

Bina kolam takungan, paip besar

Sistem pengairan akan dinaik taraf bagi mengatasi masalah banjir kilat di Bandar Baru Batang Kali

BATANG KALI - Banjir kilat yang kerap melanda melibatkan Taman Tamu Hillpark bakal selesai dalam masa terdekat selepas sistem pengairan baru dinaik taraf di Bandar Baru Batang Kali.

Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor, Poh Fei Pang berkata, pengilang di sekitar Bandar Baru Batang Kali sudah bersetuju membina kawasan takungan air dan longkang baharu bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan itu.

"Dua kaedah ini dijangka mampu menyelesaikan masalah yang membelenggu penduduk sekian lama.

"Ramai yang buat aduan kepada saya berhubung isu banjir kilat ini yang kerap berlaku terutama ketika musim hujan.

"Masalah ini bukan saja membebankan penduduk, malahan memberi impak kepada lalu lintas di kawasan itu," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Menurutnya, pihak pengilang juga mengeluarkan perbelanjaan bulan lalu bagi membina kolam takungan air untuk menahan air dari bukit turun ke jalan utama hingga menyebabkan berlakunya banjir kilat.

"Pihak mereka juga membina paip besar bagi tujuan pengaliran air yang terlalu banyak jika hujan lebat,

"Mengikut syarat Jabatan Pengairan dan Saliran (IPS), longkang selebar 1.8 meter diperlukan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Pihak pemaju juga perlu menutup longkang tersebut



Keadaan banjir kilat yang kerap berlaku di Bandar Baru Batang Kali membuatkan penduduk tertekan dan berharap agar naik taraf segera dilakukan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

bagi menjaga keselamatan pengguna yang melalui longkang itu supaya tidak terjatuh ke dalam longkang.

"Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) sudah berpegang kepada pemaju bahawa syarat lebar longkang itu mes-

ti dipenuhi pemaju walaupun melibatkan kos agak tinggi," katanya.

Beliau berkata, jika pihak

pemaju enggan menerima arahan dan syarat yang dikenakan MDHS, mereka berisiko untuk menerima notis berhenti kerja.

"Penduduk sudah lama tertekan kerana masalah banjir kilat ini sudah berlaku sejak 2013 lagi akibat pembangunan pesat di Bandar Baru Batang Kali.

"Kawasan yang selalu terjejas melibatkan Taman Tamu Hillpark, kawasan di hadapan Econsave dan jika berlaku banjir akan menjejaskan kawasan sehingga 800 meter dan ini membuatkan penduduk tertekan.

"Banjir juga mengakibatkan air naik setinggi hingga 1.5 meter dan membuatkan banyak kenderaan rosak jika tersekat di jalan raya yang banjir," katanya.